

Jalinan Budaya Siri IV Shenzhen-Guangzhou China, terap budaya antara dua negara

HB 10/8/11 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

BEROBJEKTIFKAN untuk memahami dan mendalami budaya universiti luar daripada Malaysia, penganjuran Program Jalinan Budaya Siri IV Shenzhen-Guangzhou, China adalah satu lagi usaha untuk mengeratkan jalinan antara dua negara iaitu Malaysia dan China.

Bermula 26 hingga 29 Julai lepas, seramai 12 orang warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman E dan seorang pegawai pengiring mengadakan lawatan ke beberapa tempat menarik di China.

Ia adalah program lanjutan yang bertujuan mencungkil potensi, kemampuan dan kelebihan pelajar yang terlibat dalam menguruskan program.

Melalui program ini juga para pelajar dapat mendalami budaya pelajar di China dan



KENANGAN...Rombongan ketika bergambar di hadapan papan tanda Shenzhen University.

menjadikannya sebagai asas pembentukan budaya di kolej kediaman.

Selain melawat dua buah universiti di China iaitu Shenzhen University dan Jinan University, rombongan UMS turut melawat beberapa kawasan menarik dan bersejarah.

Di Shenzhen, antara tempat menarik yang dilawati termasuklah 'Window of The World', Muzium Shenzhen dan kilang sutera. Manakala di Guangzhou, rombongan berkesempatan melawati

mereka diperkenalkan dengan bangunan yang mempamerkan miniatur bangunan monumen dan arkitektur di seluruh dunia.

Selain itu, mereka juga berpeluang menaiki tren untuk melawat tempat-tempat menarik sekitar kawasan taman tema itu.

Walaupun ketika lawatan itu diadakan Shenzhen University ditutup kerana cuti musim panas dan penganjuran 'Universiade Shenzhen' sedang berlangsung,



MENARIK...Air pancur yang terletak di tengah-tengah laman masuk 'Window of the World'.



MAKAM BERSEJARAH...Ketika berada di hadapan Makam Saad bin Abi Waqqas.

kilang jed, Masjid Guang Ta, Makam Sa'ad Bin Abi Waqqas, serta pelayaran menaiki feri di 'Pearl River'.

Semasa rombongan dibawa ke taman tema 'Window of The World' yang terletak di bahagian barat kota Shenzhen,

namun pihak rombongan turut berpeluang melawat sekitar kawasan kampus berkenaan.

Universiade Shenzhen adalah satu persidangan yang dianjurkan untuk para atlet yang mengumpulkan wakil-wakil dari semua universiti

seluruh China.

Ketika berada di kilang sutera, para pelajar didedahkan serba sedikit tentang ulat sutera dan cara pembuatan barang keperluan harian seperti selimut atau cadar yang diperbuat daripada ulat sutera dengan hanya

menggunakan tenaga manusia.

Para pelajar turut berkesempatan melawat ke kilang pembuatan jed dan ketika berada di sana, mereka diberi penerangan berkenaan jed, kematangan jed, tempat sumber jed diperolehi, serta serba sedikit cara pembuatan dan pembentukan jed.

Pihak kilang menjelaskan kepada rombongan terbabit tentang kepentingan jed bagi masyarakat Cina mengikut Feng-Shui mereka.

Serba sedikit penerangan mengenai berlian juga diberikan, berkenaan cara-cara mengetahui keaslian berlian iaitu dengan menggunakan laser dan juga alat elektronik khas.

Lawatan ke Makam Sa'ad bin Abi Waqqas antara pengalaman menarik pihak rombongan

semasa lawatan itu yang mana Sa'ad bin Abi Waqqas adalah salah seorang ikon Muslim yang popular dan juga salah seorang sahabat Nabi Muhammad S.A.W yang dijanjikan surga.

Beliau dikatakan menyebarkan ajaran Islam di China pada zaman Rasulullah lagi dan 27 tahun kemudian, semasa pemerintahan Khalifah Uthman ibnu Affan, ia datang semula ke China bagi menyebarkan al-Quran yang dibukukan semasa zaman Khalifah Uthman.

Perkongsian pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperolehi para ahli rombongan sepanjang lawatan ini sememangnya diharap mampu memberikan input positif dan seterusnya menjadi asas dalam menjana budaya pembelajaran yang lebih mantap dan berkualiti.



TAKLIMAT...Pemilik kilang sutera di Shenzhen memberi taklimat kepada rombongan UMS.